

06 DEC 2000

Perdasama-Bumiputera

REMAJA BUMIPUTERA DISARAN DAPATKAN PENGALAMAN BERNIAGA

KUALA LUMPUR, 6 Dis (Bernama) -- Golongan remaja Bumiputera yang berhasrat menceburi bidang perniagaan disaran mendapatkan pengalaman dan pengetahuan dengan bekerja di syarikat lain terlebih dahulu.

Presiden Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia (Perdasama) Datuk Mohamed Izat Emir berkata, dengan cara itu mereka boleh mendapat pendedahan awal sebelum memulakan perniagaan sendiri.

"Bagaimanapun ketika ini ramai anak-anak Bumiputera hanya berminat mendapatkan kerja yang bagus sahaja, terus mahu membuka perniagaan sedangkan pengetahuan masih tidak mencukupi," katanya ketika dihubungi hari ini.

Beliau diminta mengulas ingatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap usahawan Bumiputera semalam supaya menceburi bidang yang ada dalam kemampuan mereka setelah melakukan perancangan yang baik.

Dr Mahathir berkata, banyak usahawan Bumiputera kurang berjaya oleh kerana perniagaan dilaksanakan tanpa mempunyai kemampuan kewangan, teknologi dan kecekapan yang mencukupi.

Izat berkata, tenaga kerja Bumiputera yang arif dalam perniagaan masih berkurangan disebabkan kurangnya minat mereka untuk mempelajari selok-belok perniagaan secara mendalam.

Beliau memberi contoh bagaimana pekerja asing di negara ini yang sanggup bekerja di gedung-gedung perniagaan dengan gaji yang kecil sehingga memperolehi pengetahuan yang boleh digunakan untuk membuka perniagaan apabila kembali ke negara asal masing-masing.

Soal mendapatkan modal untuk peniaga Bumiputera tidak sepatutnya timbul kerana kerajaan telah menyediakan pelbagai bantuan pinjaman menerusi tabung-tabung yang ditubuhkan untuk membantu usahawan, katanya.

Beliau berkata, Perdasama sentiasa berusaha menganjurkan aktiviti untuk mendedahkan peluang-peluang perniagaan kepada Bumiputera bagi meningkatkan penyertaan mereka dalam bidang perniagaan.

Izat juga meminta persatuan-persatuan yang mewakili peniaga Bumiputera agar lebih bersatu bagi mewujudkan rangkaian perniagaan yang mantap dan setanding dengan usahawan lain.

-- BERNAMA

RZS GM NMO